

09/10/1999

Jihad: Sumber kewangan mudah bagi Pas

Azhar Abu Samah

ISTILAH derma jihad bukan baru di negeri yang kuat pengaruh parti pembangkang, Pas kerana hampir setiap malam ceramah mengutip derma itu dilangsungkan.

Derma jihad itu dapat dikumpulkan oleh Pas dalam ceramah yang dianjurkannya di seluruh negara dan ia ketara di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Bagaimanapun, acara mengutip derma ini tidak begitu ditekankan parti pembangkang itu sebelum ini. Namun, teka-teki tarikh pilihan raya umum dan kerancangan pemimpin di pelbagai peringkat cuba menujum tarikh keramat itu, kini dijadikan modal oleh Pas mendapatkan sumber kewangan mudah.

Tanpa berselindung dan menggunakan nama jihad, ahli jawatankuasa Pas Pusat, Datuk Dr Hassan Mohd Ali ketika berceramah di Felda Jerangau, Dungun, Terengganu, baru-baru ini menyerlahkan agenda tersembunyi kutipan derma jihad parti itu.

Dengan meletakkan dirinya sebaris tok nujum, Dr Hassan meramalkan pilihan raya umum akan diadakan dalam tempoh enam minggu dari sekarang dan untuk itu, kutipan jihad perlu digiatkan. Kali ini, pakar motivasi itu seperti mahu meletakkan harga derma jihad iaitu RM10 daripada setiap penyokongnya di kawasan tanah rancangan di seluruh negara, berbanding sebelum ini, mengikut kemampuan dan selera pendengar ceramah.

Dr Hassan mendakwa, strategi terbaru itu dapat meningkatkan keupayaan jentera pilihan raya Pas untuk menawan beberapa negeri termasuk Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka dan Terengganu. Strategi itu juga dilihat mampu menyaingi keupayaan Barisan Nasional (BN) dalam segenap segi.

Cita-cita besar untuk merampas beberapa negeri daripada pemerintahan kerajaan BN bukan rahsia, malah ada kalangan pemimpinnya secara terbuka optimis parti itu dapat menawan Terengganu, Kedah dan Perlis, selain mengekalkan kuasanya di Kelantan pada pilihan raya umum akan datang.

Seperti memahami permainan politik Pas, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad melihat Pas lebih condong ke arah mendapatkan negeri ini kerana ia memiliki sumber kekayaan, khususnya petroleum dan gas yang sudah pasti meletakkan parti itu selesa dari segi kewangan.

Menurutnya, BN negeri berwaspada dengan taktik Pas, yang sejak kebelakangan ini tidak memberi tumpuan berbanding kepada Kedah dan Perlis, walhal tujuan sebenar Pas ialah untuk menawan Terengganu. "Terengganu begitu penting kepada Pas kerana ia mempunyai sumber kewangan yang banyak. Sekiranya Pas dapat menawan Terengganu, parti itu akan mendapat sumber kekuatan yang besar di segi kewangan untuk membantu Pas negeri lain bagi menjatuhkan kerajaan sekarang," katanya selepas merasmikan majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Terengganu, baru-baru ini.

Bagi menjayakan matlamat itu, Pas dilihat cuba mengubah pendekatan dalam mendapatkan sokongan menjelang pilihan raya umum. Jika sebelum ini, ia mahu memancing golongan profesional Islam, kini ia mengalih perhatian kepada masyarakat tanah rancangan.

Isu paling sesuai mendapat sokongan dan simpati peneroka ialah dengan mendakwa taraf hidup masyarakat semakin merosot berbanding sebelum ini. Dengan meramalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membubarkan Parlimen dalam tempoh lima atau enam minggu dari sekarang, Dr Hassan sempat meminta pengorbanan golongan ini dengan menghulurkan derma jihad RM10 seorang.

"Tuan-tuan boleh melakukan pengorbanan itu dengan menghulurkan derma

khas RM10 bagi setiap keluarga, tetapi lebih baik jika jumlah itu dihulurkan oleh setiap individu," katanya.

Bagi Pas, ukuran kemerosotan taraf hidup peneroka tanah rancangan di seluruh negara ialah apabila aspek keimanan dan pembangunan kemanusiaan merosot, sedangkan banyak faktor lain yang lebih penting diberikan perhatian seperti peningkatan ekonomi, taraf hidup dan pendidikan.

Melalui Dr Hassan, Pas menuduh kemerosotan itu disebabkan ketidak cekapan BN mentadbir negara kerana sebahagian besar pemimpinnya hanya mengutamakan pembangunan kebendaan dan membelakangkan pembangunan keimanan. "Pemimpin BN bukan tidak sedar perkara ini tetapi mereka sengaja tidak mahu rakyat menjadi umat Islam sejati. Kalau rakyat beriman, mereka pasti sedar bahawa kepemimpinan yang ada perlu ditolak," tuduhnya.

Diminta mengulas perkara itu, Wan Mokhtar berkata Pas tetap dengan caranya memburuk dan memfitnah kerajaan dalam pelbagai isu, walaupun setiap kali apa yang mereka buat bertentangan dengan kehendak Islam sebenar. Tindakan Pas mengutip RM10 daripada setiap penyokongnya di tanah rancangan bagi membiayai jentera pilihan rayanya menunjukkan parti itu mengamalkan budaya 'mengemis' bagi melaksanakan programnya.

Kerajaan BN tidak menyusahkan rakyatnya, termasuk peneroka rancangan menagih bantuan kewangan, sebaliknya mengambil tahu masalah yang dihadapi mereka.

BN tidak datang kepada rakyat termasuk peneroka untuk meminta balik apa yang sudah diberikan, sebaliknya bertanya khabar mengenai masalah keluarga mereka untuk diatasi. Pas, belum pun diberi kuasa untuk memerintah sudah meminta wang daripada rakyat.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno yakin jika Pas diberi kuasa untuk menerajui negara kelak, pelbagai perkara yang menyusahkan rakyat akan dilakukan termasuk meminta pelbagai derma yang tidak masuk akal. Sebelum ini, Pas mengadakan ceramah hampir setiap malam dan pada masa sama mengutip wang derma daripada rakyat, kononnya digunakan untuk membangunkan Islam, tetapi, parti itu tidak pernah mengeluarkan laporan kewangan mengenai kegunaan wang itu, termasuk program yang diadakan.

Mahu atau tidak, Pas harus mengakui ia mendapat keuntungan kewangan melalui ceramah politik menjelang pilihan raya umum akan datang dan angka kutipan itu mencecah ribuan ringgit semalaman.

(END)